

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

## **SPEAKER BARU SELEPAS PILIHANRAYA**

**KUALA LUMPUR, Ahad**  
— Perlantikan Speaker baru Dewan Rakyat akan dibuat selepas pilihanraya umum akan datang, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata demikian selepas memengeruskan sidang bulanan Majlis Tertinggi UMNO di ibu pejabat UMNO di sini.

Sidang dimulakan dengan bertafakur selama lima minit sebagai memperingati bekas Speaker Dewan Rakyat, Allahyarham Tan Sri Syed Nasir Ismail, yang juga merupakan salah seorang Ahli Majlis Tertinggi parti.

Datuk Seri Dr. Mahathir memberitahu para pemberita, mesyuarat juga merakamkan penghargaan atas sumbangan Allahyarham kepada parti.